

8 Conlay terap ciri hijau, alam sekitar

» Hartanah premium dapat sentuhan pereka antarabangsa

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

KSK Group Bhd, menerusi anak syarikat pembangunan hartenanya, KSK Land Sdn Bhd (KSK Land), akan melancarkan projek hartenah baharu dikenali 8 Conlay, di Jalan Conlay, Kuala Lumpur dengan anggaran nilai pembangunan kasar (GDV) mencecah RM4 bilion.

Projek hartenah bercampur itu akan dimajukan di kawasan berstatus pegangan bebas seluas 1.6 hektar, yang mana membatikan pembangunan unit apartmen servis, hotel dan ruang komersial.

Lebih menarik, projek yang dikenali sebagai hartenah berjenama premium itu bakal mendapat sentuhan pereka

luaran dan dalaman antara bangsa, sekali gus menjadikan hartenah yang dibangunkan KSK Land menjadi unik dan berbeza dengan yang lain.

Dijangka siap tahun 2020

Projek yang dijangka siap menjelang tahun 2020 akan dimajukan menerusi dua menara masing-masing dengan ketinggian 62 dan 57 tingkat yang menempatkan apartmen servis dan satu menara berketinggian 68 tingkat untuk hotel serta podium sembilan tingkat mengandungi ruang runcit, dewan dan tempat letak kereta.

Pengarah Urusan KSK Land, Joanne Kua, berkata 8 Conlay yang akan dilancarkan pada suku ketiga tahun ini akan menawarkan 1,062 unit apartmen servis berkeluasan 682 hingga 1,295 kaki persegi yang dibangunkan menerusi dua menara berasingan.

Katanya, bagi hotel pula, ia akan diuruskan oleh jenama hotel terkemuka Kempinski Hotels dengan menawarkan 260 bilik dan 300 suite Stra-

“Konsep pembangunan 8 Conlay adalah hartenah ber-

“
Projek yang sedang menunggu kelulusan pihak berkuasa itu dijangka dilancarkan pada Oktober ini bagi Menara A, manakala Menara B pula tahun depan sebelum komponen komersial dimajukan dan terakhir membabitkan hotel.

“Kami menyasarkan 50 peratus adalah pembeli tempatan dan selebihnya adalah warga asing,” jelasnya.

Bagi pembangunan jenis komersial pula, Kua berkata, ia akan diuruskan oleh KSK Land dengan syarikat itu menjangkakan 50 peratus daripada ruang komersial adalah untuk makanan dan minuman (F&B) dan bakinya konsep gaya hidup.

“Kami akan membawa jenama terkemuka untuk mengisi ruang komersial 8 Conlay, bagi menjadikan ia lebih berprestij,” tambahnya.

campur berjenama berkualiti tinggi dan mendapat sentuhan serta rekaan eksklusif yang dijual pada harga sekitar RM2,700 sekaki persegi.

Separuh pembeli asing

“Lebih menarik, kami akan membangunkan hartenah dengan konsep bersepadu penuh, bukan sahaja dari segi rekaan dalaman malah, luaran pula diterapkan ciri hijau dan alam sekitar,” katanya pada sesi taklimat media dan pembentangan rekaan projek di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Rekaan TROP, Pok Kobkong-santi.

Kua berkata, projek yang sedang menunggu kelulusan pihak berkuasa itu dijangka dilancarkan pada Oktober ini bagi Menara A, manakala Menara B pula tahun depan sebelum komponen komersial dimajukan dan terakhir membabitkan hotel.

“Kami menyasarkan 50 peratus adalah pembeli tempatan dan selebihnya adalah warga asing,” jelasnya.

Bagi pembangunan jenis komersial pula, Kua berkata, ia akan diuruskan oleh KSK Land dengan syarikat itu menjangkakan 50 peratus daripada ruang komersial adalah untuk makanan dan minuman (F&B) dan bakinya konsep gaya hidup.

“Kami akan membawa jenama terkemuka untuk mengisi ruang komersial 8 Conlay, bagi menjadikan ia lebih berprestij,” tambahnya.